

12 JUL 2003

LPP-PERTANIAN

HASIL PERTANIAN NEGARA DIJANGKA BOLEH MENCECAH RM15.8 BLN PADA 2010

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Pengeluaran pertanian negara dijangka dapat dipertingkatkan daripada sejumlah RM9.5 bilion pada tahun 2000 kepada RM15.8 bilion pada tahun 2010 melalui pendekatan Dasar Pertanian Negara 3 (DPN3).

Pengarah Pembangunan Usahawan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Mariam Mas Yaacob berkata, industri pertanian adalah di antara sektor ekonomi yang utama dan mempunyai prospek yang cerah untuk berkembang.

"Justeru itu, kerajaan telah merangka DPN3 untuk memodenkan sektor pertanian dengan matlamat, antara lain, menjadikan sektor tersebut sebagai sumber pembangunan ekonomi negara ketiga dan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan yang unggul di dunia," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar mengenai seminar Peluang Perniagaan dan Taklimat Pakej Rangsangan Ekonomi dalam sektor Pertanian di sini hari ini.

Antara objektif lain termasuklah menggantikan import makanan dengan keluaran tempatan serta meningkatkan pendapatan petani dan pengusaha secara ketara.

Mariam Mas berkata, DPN3 mensasarkan pelaburan sebanyak RM32.98 bilion dalam sektor pertanian bagi tempoh 2000-2010 dengan pelaburan swasta sebanyak RM21.939 bilion.

Bagi mencapai sasaran DPN3 ini, kata beliau, kerajaan, telah menetapkan pendekatan seperti pengeluaran berskala besar dan mekanisasi, usaha meningkatkan penyertaan sektor swasta, penggunaan teknologi moden dan pelbagaian aktiviti pertanian.

Di samping itu, tumpuan akan juga diberikan kepada usaha meningkatkan khidmat sokongan, pemasaran, insentif, pembiayaan dan sebagainya.

Melalui pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mei lalu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.85 bilion daripada RM7.3 bilion, kepada sektor pertanian.

"Kami telah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian telah membuat perancangan rapi untuk memanfaatkan sepenuhnya dana RM2.85 juta tersebut," katanya.

Kementerian juga mengagihkan peruntukan sebanyak RM17 juta kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perkhidmatan Haiwan (RM42.73 juta), Jabatan Pengairan dan Saliran (RM150 juta), Jabatan Pertanian (RM73 juta) dan jabatan-jabatan lain seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (RM57 juta), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) (RM16 juta), serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Mariam Mas berkata, satu seminar bertajuk "Peluang Perniagaan Dan Taklimat Pakej Rangsangan Ekonomi Dalam Sektor Pertanian" akan diadakan bagi menghebahkan peluang-peluang perniagaan di dalam sektor pertanian.

Ia akan memberi panduan kepada bakal-bakal usahawan tani untuk memulakan langkah pertama dalam bidang perniagaan tani dan menghebahkan kemudahan, maklumat dan insentif kerajaan dalam sektor pertanian kepada usahawan tani.

Selain itu, kata Mariam Mas, seminar ini juga bertujuan mewujudkan jaringan perniagaan tani serta memaklumkan tentang pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan dalam sektor pertanian.

Seminar itu, yang akan berlangsung pada 21 Julai, 2003 di Hotel Palace of Golden Horses, dekat sini dianjurkan bersama oleh dua pertubuhan bukan kerajaan iaitu Kelab Usahawan Tani (KUAT) dan Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia (DUID) yang mewakili kelompok usahawan sektor pertanian termasuk

di luar bandar.

Keahlian kedua-dua pertubuhan ini berjumlah lebih 1,000 usahawan dan daripada jumlah itu, 70 peratus terlibat dalam industri berasaskan pertanian.

Peserta seminar itu, yang dijangka seramai 500 orang, berpeluang berdialog dengan Menteri Pertanian, Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi.

Turut hadir dalam sidang akhbar hari ini ialah presiden DUID, Mahmud Mohd Nor dan setiausaha KUAT, Aminuddin Mohammad. -- BERNAMA

TNS KY AA